



# PENGALAMAN MENDENGAR DAN MEMBACA BUKU CERITA MORAL SEBAGAI PEMANGKIN KECERDASAN VISUAL-RUANG KANAK-KANAK PRASEKOLAH

***Moral Storytelling and Story Reading Experience as a Catalyst for Preschool Children's Visual-Spatial Intelligence***

Nadarajan Thambu<sup>1</sup>, Zuraini Jamil @ Osman<sup>2</sup>

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

nada@fsk.upsi.edu.my<sup>1</sup>, zuerjami@fsk.upsi.edu.my<sup>2</sup>

Received: 22 Januari 2020; Accepted: 13 Mac 2020; Published: 17 Mac 2020

**To cite this article (APA):** Thambu, N., & Jamil@Osman, Z. (2020). Pengalaman mendengar dan membaca buku cerita moral sebagai pemungkin kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 1-13. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.1.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.1.2020>

## ABSTRAK

Kecerdasan visual-ruang menjadi asas untuk perkembangan dimensi kognitif, emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Kecerdasan visual-ruang yang sering diinterpretasikan melalui lukisan kanak-kanak ini boleh ditingkatkan dengan memberikan pengalaman pembelajaran yang efisien di bilik darjah. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman mendengar dan membaca buku cerita berunsurkan moral sebagai pemungkin kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah. Kajian kualitatif ini dijalankan di sebuah sekolah tadika, di daerah Petaling Jaya, Selangor. Instrumen yang digunakan ialah dokumen (lukisan kanak-kanak), protokol pemerhatian, dan protokol temu bual. Seramai tujuh orang kanak-kanak prasekolah yang berumur lima hingga enam tahun dipilih sebagai peserta kajian secara persampelan bertujuan. Dapatkan kajian menunjukkan pendekatan mendengar dan membaca buku cerita berunsurkan moral menjadi satu nilai tambah dalam menyokong kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah. Dalam pada itu, lukisan kanak-kanak dapat digunakan untuk menilai kemahiran penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral kanak-kanak prasekolah.

**Kata kunci:** kecerdasan visual-ruang, lukisan kanak-kanak, penaakulan moral, emosi moral, kanak-kanak prasekolah

## ABSTRACT

*Visual-space intelligence forms the basis for developing children's cognitive, emotional and behavioral dimensions. Visual-space intelligence often interpreted through children's drawings can be enhanced by providing an efficient learning experience in the classroom. Therefore, this research aims to study the experience of listening and reading moral books as a catalyst for the visual-space intelligence of preschool children. This qualitative study was conducted at a kindergarten in Petaling Jaya, Selangor. The instruments used are, documents (children's drawings), observation protocols and interview protocols. A total of seven preschool children aged five to six years were randomly selected by purposeful sampling for data collection purposes. The findings show that the approach to listening and reading moral books is an added value in support the visual-space intelligence of preschool children. Children's drawing also can be used to assess the skills of moral reasoning, moral emotion and moral behaviour of preschool children.*

**Keywords:** visual-space intelligence, children's painting, moral reasoning, moral emotion, preschool children





## PENGENALAN

Salah satu jenis kecerdasan dalam sembilan kecerdasan manusia yang diutarakan oleh Gardner (1994) ialah kecerdasan visual-ruang (*picture smart*) yang merujuk kepada kebolehan menggambarkan idea dan pengalaman yang diperoleh daripada persekitaran ke dalam bentuk visual dan ruang secara grafik dan kreatif. Kecerdasan visual-ruang adalah berkait dengan kebijaksanaan individu membuat persepsi kedudukan dan posisi objek dalam ruang, serta memahami kedalaman dan dimensi ruang. Setiap individu mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza dan kecerdasan tersebut boleh ditingkatkan sejak peringkat kanak-kanak lagi melalui aktiviti dan latihan yang sesuai (Gardner, 1994). Dalam konteks pendidikan, guru memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan yang hendak digilap.

Kecerdasan visual-ruang juga merupakan keupayaan untuk melihat dunia ruang visual dengan tepat dan mampu melakukan transformasi berdasarkan persepsi tersebut. Kecerdasan visual-ruang melibatkan kebolehan mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan, dan mempersebahkan idea visual dan ruang secara grafik (Gardner, 1994). Seseorang yang mempunyai kecerdasan visual-ruang boleh membentuk gambaran dalam minda mereka dan melukisnya. Mereka belajar dengan berkesan melalui tunjuk cara, video dan gambar rajah serta boleh memberi sumbangan kepada projek kumpulan melalui carta, gambar rajah dan lukisan.



Aktiviti seperti bercerita (*storytelling*) dan membaca buku cerita (*story reading*) yang berunsurkan nilai moral bukan sahaja dapat membentuk peribadi, malah dapat mencetuskan pengalaman dan pengetahuan kanak-kanak tentang konsep bentuk dan ruang. Menurut Tappan (1990), kaedah naratif merupakan salah satu teknik yang mudah dan dekat di hati kanak-kanak. Buku cerita sebagai bahan pengajaran dapat mewujudkan rangsangan untuk kanak-kanak meneroka dunia sekeliling mereka secara lebih kritis. Gallets (2005) menjelaskan mendengar dan membaca buku cerita membolehkan kanak-kanak untuk meluaskan imaginasi mereka. Hasil kajian Gallets (2005) mendapati, kecerdasan pemikiran kanak-kanak boleh diperhatikan dalam cara mereka menginterpretasikan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam cerita.

Dalam pada itu, Gardner (1994) dan Li-Ming (2007) menyatakan kecerdasan visual-ruang menjadi asas kepada perkembangan kemahiran membuat tafsiran tentang persekitaran, komunikasi, pemahaman tentang sesuatu fenomena alam, mewujudkan keyakinan diri, dan meningkatkan daya sensitiviti terhadap alam. Penggunaan bahan bacaan kanak-kanak berunsurkan cerita rakyat mampu mempengaruhi corak pemikiran kanak-kanak (Mohd. Firdaus & Normiza, 2014). Pembacaan buku cerita berunsurkan moral dengan aktiviti susulan seperti melukis dapat mencetuskan kreativiti dan imaginasi kanak-kanak. Kebanyakan kajian menunjukkan lukisan kanak-kanak menjadi bukti kecerdasan visual-ruang mereka (Clark & Zimmerman, 1984; Gardner, 1994; Li-Ming, 2007).

Melukis merupakan kaedah yang sering digunakan oleh ahli psikologi untuk menilai pemahaman kognitif kanak-kanak. Ini kerana aktiviti melukis bukan sahaja menyeronokkan, malah melibatkan elemen visual dan deria yang sesuai digunakan untuk menentukan





pemikiran kanak-kanak yang tidak dapat digambarkan dengan bahasa dan perkataan (Escamilla Calan, 2015). Menurut Di Leo (1983), aktiviti melukis sering digunakan terhadap kanak-kanak khususnya dalam kajian silang budaya untuk memahami aspek kognitif mereka. Menurut Piaget (1951), kanak-kanak berumur dua hingga tujuh mula melukis dan melakukan pemodelan untuk mewakili ciri-ciri ruang. Kajian Norjetta Julita (2018) menunjukkan lukisan kanak-kanak ialah hasil seni yang merupakan penjelmaan nilai moral, sikap, emosi dan perasaan. Manakala, kajian Ismail, Abdul dan Mohamad (2019) mendapati seni lukisan Islam dapat memaparkan kebolehan ruang kanak-kanak.


Menurut Tappan (1990), kanak-kanak yang berusia 18 bulan hingga empat tahun dapat melukis bentuk-bentuk asas seperti bulatan, segi empat dan segi empat tepat. Lukisan kanak-kanak mampu memberikan makna lisan dan bukan lisan serta maksud tersirat yang cuba disampaikan oleh mereka (Di Leo, 1983). Kajian Lenz Taguchi (2006) telah menggunakan lukisan kanak-kanak untuk membantu guru memeriksa dan mengetahui elemen seperti kepercayaan serta nilai yang mendasari amalan pedagogi mereka. Manakala, kajian Escamilla Calan (2015) terhadap kanak-kanak yang suka melukis di rumah dan di prasekolah menunjukkan melukis menjadi satu alat konstruk yang penting dalam kognitif kanak-kanak untuk membangunkan konsep dan berkongsi makna.

Wright (2007) telah membuat kajian tentang pemahaman kanak-kanak prasekolah terhadap bentuk dan saiz. Mereka juga cuba menilai tahap pemahaman konsep bentuk kanak-kanak prasekolah dan cara mengembangkan pemahaman konsep bentuk mereka. Dalam kajian ini kanak-kanak telah dilatih untuk melukis bentuk-bentuk kiub dan blok. Kajian tersebut dilakukan melalui aktiviti perbincangan bersama-sama penyelidik, guru dan pembantu guru. Kanak-kanak menunjukkan potensi untuk mengembangkan pengetahuan mereka tentang konsep bentuk. Mereka juga dapat menerangkan konsep bentuk mengikut kreativiti dan cara masing-masing. Hasil lukisan dan lakaran yang dibuat oleh kanak-kanak prasekolah menunjukkan mereka bukan sahaja mampu meniru sesuatu bentuk demi pemahaman yang mendalam, tetapi juga mampu menjawab serta memberikan penerangan apabila ditanya tentang bentuk yang dilukis.

Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak berfikir dan berminat untuk belajar secara visual seperti gambar, graf dan rajah. Rangsangan warna dan visual pada gambar dalam buku cerita boleh menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik. Kanak-kanak yang mudah hilang fokus atau bosan dengan pengajaran secara lisan mempunyai kecenderungan untuk melukis. Kanak-kanak harus digalakkan menggunakan lukisan dalam pembelajaran mereka kerana lukisan kanak-kanak memiliki keupayaan untuk mewakili visual yang memaparkan konsep kepekaan terhadap warna, garis, bentuk, ruang dan hubungan yang wujud antara unsur-unsur ini.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, perkembangan kecerdasan visual-ruang kanak-kanak menjadi faktor pemangkin aspek kemahiran seperti perkembangan pemikiran aras tinggi, kreativiti, imaginasi, sensitiviti, emosi dan konsep kendiri. Oleh itu, merangsang kecerdasan visual-ruang amat penting untuk perkembangan kanak-kanak secara holistik dalam aspek pemikiran, penaakulan, emosi, tingkah laku dan personaliti kanak-kanak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menentukan sejauhmana pengalaman mendengar dan membaca buku cerita berunsurkan moral dapat merangsang kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan seperti dalam Rajah 1 berikut;





Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian

## METODOLOGI

Buku cerita kanak-kanak yang digunakan ialah buku cerita yang mempunyai unsur moral dan pengajaran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selain itu, buku yang dipilih mengambil kira tema, minat kanak-kanak, sifat kanak-kanak dan keperluan tahap pembacaan kanak-kanak yang berusia lima hingga enam tahun. Sebanyak 20 buah buku cerita dalam pelbagai tajuk digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan tujuh orang kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun sebagai peserta kajian di sebuah sekolah tadika, di daerah Petaling Jaya, Selangor yang dipilih secara persampelan bertujuan.

Kaedah bercerita dilaksanakan melalui tiga fasa dalam kajian ini, iaitu Fasa I ialah fasa mendengar cerita, Fasa II ialah membaca cerita dengan kuat dan Fasa III ialah aktiviti melukis selepas bercerita. Dalam Fasa I, kanak-kanak terlibat dalam sesi mendengar cerita daripada guru. Dalam fasa II, kanak-kanak diberikan peluang untuk membaca buku cerita yang diminati secara individu. Guru memberikan masa kepada kanak-kanak untuk melihat, menyelak, membaca sepintas lalu dan memilih buku cerita yang diminati oleh mereka. Selepas memilih buku yang diminati, mereka akan membaca cerita tersebut dengan lantang di hadapan kelas. Sesi ini pula bertujuan untuk mengembangkan daya pemahaman dan pemikiran mereka tentang cerita yang dibaca.

Dalam fasa III pula, kanak-kanak terlibat dalam aktiviti melukis selepas membaca cerita. Kanak-kanak diminta untuk melakarkan atau melukis watak atau peristiwa-peristiwa penting yang diingati dalam cerita yang dibaca atau didengar. Setiap kanak-kanak diminta untuk melukis satu atau dua lukisan mengikut kreativiti sendiri. Mereka diberikan kebebasan untuk meluahkan segala apa yang terlintas dalam benak pemikiran mereka melalui lukisan. Sesi melukis digunakan untuk menilai pemahaman kognitif kanak-kanak. Penggunaan cara yang visual dan kreatif bertujuan untuk mencungkil pemahaman dan aspek yang difikirkan oleh mereka. Ketiga-tiga fasa ini, dilaksanakan secara sistematik dan berkala untuk mengelakkan kebosanan kepada kanak-kanak. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan instrumen seperti dokumen (lukisan kanak-kanak), protokol pemerhatian dan protokol temu bual untuk mengumpul data kajian.






## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Lukisan kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun ini dianalisis untuk melihat sama ada kanak-kanak dapat memahami konsep bentuk, visual dan ruang, seterusnya menguasai kecerdasan visual-ruang. Analisis data menunjukkan kanak-kanak mampu melukis segala fenomena alam seperti flora, fauna dan manusia. Dapatkan kajian ini juga membuktikan kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah melalui lukisan mereka. Walaupun kajian ini, melibatkan kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun; pemikiran, penaakulan, emosi, tingkah laku dan personaliti kanak-kanak menguasai kecerdasan visual-ruang.

Berdasarkan hasil lukisan pertama oleh Peserta 1, kanak-kanak ini menyatakan dia melukis sebuah gua yang besar, yang menjadi tempat kediaman seekor singa (Rajah 2). Kanak-kanak tersebut menjelaskan lagi bahawa manusia yang kecil, tidak boleh masuk ke dalam gua, dan gua tersebut lebih besar daripada manusia.

Hasil temu bual pula menunjukkan peserta kajian ini mengaku seseorang manusia tidak boleh mengganggu orang lain tanpa sebab. Perbuatan mengganggu orang lain dianggap sebagai perbuatan yang salah dan perlakuan yang tidak bermoral. Berdasarkan gambar yang dilukis, kanak-kanak ini menyatakan manusia tidak boleh mengganggu singa yang tidur di dalam gua. Menurut kanak-kanak ini;

*“Tak baik kacau orang yang tidur..Singa yang tidur kerana dia kerja malam...tikus tak boleh kacau..orang pun tak boleh kacau...nanti singa marah...macam di rumah..saya tak boleh ganggu ibu bapa yang tidur...tak baik..kasihan mereka.”* (Lukisan 1; Peserta 1)

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  A simple line drawing by a five-year-old child. It depicts a large, irregularly shaped opening at the top, representing a cave entrance. Inside the cave, there is a small, simple sketch of a human figure lying down, possibly representing a tiger as mentioned in the quote. The drawing is done in black ink on white paper. | <p>Ternyata kanak-kanak mampu membangunkan konsep sebuah gua dan manusia serta cuba untuk memberikan penjelasan tentang lukisan itu. Kanak-kanak ini belum mempunyai kebolehan melukis bentuk-bentuk asas seperti bentuk segi empat dan bentuk bulatan. Dia juga masih belum menguasai konsep bentuk sebuah gua kerana ciri-ciri sebuah gua masih tidak jelas. Namun imaginasi kanak-kanak ini baik dan dia dapat mengesan perbezaan bentuk sebuah gua yang lebih besar daripada manusia.</p> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Rajah 2. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 1


Lukisan kedua oleh Peserta 1 (Rajah 3) menunjukkan kanak-kanak ini melukis seekor dinosaurus yang sedang tidur dan dia serta dua orang kawannya cuba melihat dinosaurus itu dari jarak dekat. Kanak-kanak ini juga menjelaskan dia dan kawannya suka melihat binatang ini tetapi kawannya (manusia yang dilukis ketiga dari kiri) tidak suka kepada binatang ini.





Hasil temu bual menunjukkan kanak-kanak ini faham tentang emosi dan perasaan manusia seperti suka, benci dan sayang. Menurut kanak-kanak ini;

*“Kawan saya tak suka diosaur kerana ia binatang yang besar...dia benci T-Rex...T-Rex suka makan orang....tapi saya suka Dippy...Dippy baik dan comel...Saya sayang Dippy...Dippy Dino baik.”* (Lukisan 2; Peserta 1)



Lukisan ini juga masih dalam peringkat contenggan. Kanak-kanak ini, cuba melukis seekor dinosaurus, tetapi ciri-ciri seekor dinosaurus masih tidak jelas bentuknya. Dia berjaya menggambarkan muka rakannya yang tidak suka kepada dinosaurus yang tidur. Walaupun objek yang dilukis tidak realistik, namun lukisan ini berjaya menunjukkan elemen visual yang menunjukkan perasaan kanak-kanak. Kanak-kanak ini mendapat imaginasi daripada cerita "Dippy the dozy dinosaur"

Rajah 3. Analisis Lukisan Kedua oleh Peserta 1

Ini menunjukkan aktiviti bercerita dan membaca buku cerita berunsur moral dapat memberikan idea kepada kanak-kanak untuk melukis manusia, haiwan dan gua. Hasil lukisan juga mempunyai interaksi antara manusia dengan persekitaran serta nilai dan perasaan moral. Hasil kajian ini bertepatan dengan kajian Norjetta Julita (2018) yang menjelaskan lukisan merupakan hasil seni yang mampu menjelmakan nilai dan sikap kanak-kanak.

Bagi lukisan pertama oleh Peserta 2 (Rajah 4), kanak-kanak menggambarkan perperangan antara makhluk asing dengan manusia di bumi. Idea makhluk asing yang berperang dengan manusia di bumi dapat digambarkan secara grafik. Idea untuk mempertahankan bumi daripada ancaman makhluk asing ada dinyatakan oleh peserta kajian. Aspek penaakulan moral jelas apabila kanak-kanak mahu menjaga bumi ini daripada musuh luar. Menurut peserta kajian ini;

*“Saya dan Afif akan menjaga bumi daripada musuh ...Alien jahat..Alien mahu bunuh kita...saya tak takut...saya berani perang dengan Alien...Saya sayang bumi ini...kalau Alien bom...bumi hancur..burung semua mati...we love Malaysia.”* (Lukisan 1; Peserta 2)





Makhluk angkasa lepas diwarnakan dengan warna kuning, merah dan biru. Tangan kedua-dua makhluk angkasa lepas ini digambarkan sebagai tangan yang mempunyai kuasa elektrik yang boleh mengeluarkan api untuk melawan musuh. Hasil kerja tentang gambaran makhluk angkasa lepas lebih jelas persembahannya. Kanak-kanak ini juga faham akan kedudukan makhluk angkasa lepas yang terawang-awang di udara.

Rajah 4. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 2

Lukisan kedua oleh Peserta 2 (Rajah 5) menggambarkan kisah peperangan antara makhluk asing dengan manusia di bumi. Sikap manusia yang tidak suka terhadap makhluk asing digambarkan dengan wajah yang garang (menampakkan gigi). Makhluk asing pula dilukis dengan bengis dan menakutkan orang yang melihatnya. Rupa makhluk asing yang dilukis juga mampu menimbulkan perasaan kebencian kepadanya. Dalam membincangkan lukisan ini Peserta 2 menyatakan;

*“Saya tak mahu Alien sampai ke Malaysia...Saya bunuh Alien...Saya tak suka Alien..Alien not a good things...Saya jadi Super Hero untuk bunuh Alien.”* (Lukisan 2; Peserta 2)



Kanak-kanak ini memahami konsep visual-ruang dengan baik. Dia telah meletakkan tiga makhluk asing di udara dan tiga orang manusia di bumi. Begitu juga dengan makhluk angkasa lepas yang bengis dengan renungan mata yang tajam. Kedudukan atau jarak di antara bumi dan angkasa dapat difahami oleh kanak-kanak ini dengan melukis makhluk angkasa lepas dalam saiz yang kecil (jauh dari bumi) dan manusia di bumi dengan saiz yang besar (dekat dengan kita).

Rajah 5. Analisis Lukisan Kedua oleh Peserta 2

Dapatan ini menyokong kajian Hasibuan (2017) yang menunjukkan kanak-kanak melambangkan dunia mereka dengan menggunakan bentuk, objek dan tanda untuk memberi contoh acara atau benda tertentu melalui lukisan mereka. Aspek penaakulan mereka terhadap persekitaran jelas. Mereka mempunyai peluang untuk menggambarkan emosi mereka. Walau bagaimanapun, komponen-komponen ini bukan sahaja merupakan cara untuk bersuara, tetapi juga bertindak sebagai aspek penting dalam perkembangan moral, perasaan, dan tingkah laku kanak-kanak.





Lukisan pertama oleh Peserta 3 (Rajah 5) menunjukkan kanak-kanak memahami binatang dinosaur yang digambarkan sebagai seekor binatang yang ganas dan berbahaya. Peserta ini meluahkan emosinya melalui warna yang digunakan. Kanak-kanak tersebut menyatakan;

*“Saya takut kepada dinosaur...macam T-Rex...very dangerous...Badan dino merah macam api...the body is full of fire...scary...kalau nak tengok dengan dekat...kita harus berjalan perlahan-lahan...tak boleh bising.”* (Lukisan 1; Peserta 3).




Lukisan ini jelas menunjukkan seekor dinosaur yang garang. Ini digambarkan dengan warna badan yang merah dan gigi yang tajam. Lukisan ini berbentuk 2D dan agak realistik. Pemahaman tentang rupa bentuk seekor dinosaur telah wujud dan dilukis tepat. Kanak-kanak menunjukkan pemahaman visual-ruang yang baik kerana bentuk dan cara berdiri seekor dinosaur dapat digambarkan dengan baik.

Rajah 6. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 3

Lukisan kedua oleh Peserta 3 (Rajah 7) menunjukkan kreativiti kanak-kanak dalam melukis seekor binatang yang ganjal. Dia menggabungkan ciri-ciri dinosaur dengan haiwan yang bernama Godzilla. Haiwan ini digambarkan sebagai haiwan yang paling berbahaya dan tidak boleh didekati oleh manusia. Dalam sesi temu bual kanak-kanak menyatakan;

*“Ini binatang dinosaur campur Godzilla...emak dinosaur dan bapa dia Godzilla...Saya takut kepada Godzilla...Godzilla sangat bahaya...dari mulut ia boleh keluarkan api... very dangerous too...kalau jumpa binatang ini jangan pergi dekat...dia makan manusia.”* (Lukisan 2; Peserta 3).



Lukisan ini menggambarkan seekor binatang yang garang. Seluruh badan binatang ini diwarnakan dengan warna merah. Kanak-kanak ini telah menggabungkan dua ciri haiwan iaitu ciri-ciri dinosaur dan ciri-ciri haiwan yang diberi nama Godzilla. Hal ini dapat digambarkan dengan melukis Godzilla (haiwan ini) yang menyemburkan api daripada mulut. Lukisan ini menunjukkan lukisan 2D, kanak-kanak berjaya melukis lukisan yang 'terapung' pada halaman kertas lukisan. Hal ini juga jelas menunjukkan pemahaman visual-ruang kanak-kanak.

Rajah 7. Analisis Lukisan Kedua oleh Peserta 3






Hasil kajian ini selaras dengan pendapat Gardner (1994) yang menjelaskan usia awal kanak-kanak adalah usia kritis untuk perkembangan kreativiti, dan mereka berpotensi untuk menjadi seorang seniman dengan cara mereka sendiri. Ini disokong oleh Ozyurek *et al.* (2014) yang merumuskan hubungan antara komunikasi kanak-kanak dengan aktiviti pendidikan seni yang membantu kemahiran berfikir kreatif dan mengembangkan interaksi sosial.

Lukisan pertama oleh Peserta 4 (Rajah 8) menunjukkan pemahaman kanak-kanak yang luas tentang unsur-unsur alam, seperti bumi sebagai tempat hidupan liar seperti dinosar, permukaan tanah dipenuhi dengan batu-bata, dan burung-burung yang berterbang di udara. Emosi dan perasaan sayang dan cinta kepada alam digambarkan melalui lukisan berbentuk hati (*love shape*). Lukisan ini juga menggambarkan emosi dan perlakuan moral yang baik terhadap alam sekitar. Berikut ialah hasil temu bual bersama-sama kanak-kanak ini;

*“Saya suka lukis bumi yang cantik, luas dan bersih. I love burung-burung, dinosar dan awan yang kuning.”* (Lukisan 1; Peserta 4).



Walaupun lukisan ini masih dalam peringkat *emergent*, tetapi kanak-kanak ini dapat memahami konsep visual-ruang. Garisan asas (*base-line*) yang mewakili tanah ada dalam lukisan ini. Kanak-kanak ini faham akan kedudukan burung yang perlu ada di udara (burung berterbang di udara), dan dua ekor dinosar yang berada di atas tanah. Kanak-kanak ini juga menunjukkan kecerdasan tentang kedudukan dan posisi objek dalam ruang seperti binatang, burung, batu dan pokok bunga.

Rajah 8. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 4

Lukisan kedua oleh Peserta 4 (Rajah 9) menunjukkan kanak-kanak dapat melukis pokok bunga, bunga dan daun yang berguguran di tanah, tanah landai, bukit, matahari, awan, manusia dan rama-rama. Perlakuan moral seperti menjaga alam dan emosi moral seperti mencintai alam terserlah daripada lukisan ini. Kanak-kanak ini juga memahami konsep visual-ruang dengan melukis pokok bunga yang tumbuh di atas tanah dan rama-rama yang terbang di udara. Kanak-kanak dapat mengimajinasikan objek-objek semulajadi lantas mengembangkan kebolehan dan kecerdasan visual-ruang mereka. Dalam sesi temu bual peserta kajian menyatakan;

*“Saya sayang pada garden di rumah saya...Saya ada di garden itu..Saya tak buang sampah..Garden saya bersih...Dalam garden saya ada rama-rama yang besar..saya suka tanam pokok bunga...Pokok bunga saya cantik.”* (Lukisan 2; Peserta 4)






Hasil kerja kanak-kanak ini lebih jelas persembahannya. Garisan asas (*base-line*) seperti garisan untuk menunjukkan unsur tanah muncul dalam lukisan ini. Manusia dapat dilukis dengan kepala, mata, hidung dan mulut dengan tangan dan kaki kayu. Kanak-kanak ini dapat melihat dunia sekelilingnya dengan begitu peka. Daun dan bunga-bunga yang berguguran di atas tanah juga membuktikan kecerdasan visual-ruang kanak-kanak ini.

Rajah 9. Analisis Lukisan Kedua oleh Peserta 4

Kanak-kanak dapat melihat visual-ruang dunia dengan tepat dan boleh mengesan serta menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan secara kreatif dalam lukisan mereka. Zoghi *et al.* (2018) menyatakan seni, imej dan simbol merupakan saluran untuk kanak-kanak menangani emosi dengan berhati-hati. Oleh itu, lukisan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan orang lain secara lisan dan melepaskan emosi mereka melalui komunikasi. Menurut Yazici *et al.* (2016), kanak-kanak memerlukan seni seperti lukisan untuk menyokong mereka dalam mempelajari asas kehidupan.

Lukisan pertama oleh Peserta 5 (Rajah 10) menunjukkan kanak-kanak berjaya melukis ibu dan bapa dalam kehidupan sebuah keluarga. Ibu dan bapa digambarkan sebagai berada dalam sebuah rumah. Suasana kegembiraan di dalam rumah dapat digambarkan dalam lukisan kanak-kanak ini. Kebolehan ini juga menunjukkan kemampuan penaakulan tentang kehidupan kelaurga yang bahagia dan bermoral. Dalam sesi temu bual kanak-kanak menyatakan;

*"Ini keluarga saya...Dalam keluarga ada ibu dan ayah...I love my mummy and daddy....We are happy family...my family selalu pergi outing.....now saya di sekolah and ...ibu bapa saya tinggal di rumah."* (Lukisan 1; Peserta 5)



Dalam lukisan ini kanak-kanak berjaya membangunkan konsep hidup berkeluarga. Lukisan yang mewakili manusia sebagai satu bulatan yang menunjukkan kepala dan kaki serta tangan kayu juga jelas menunjukkan kreativiti kanak-kanak ini. Kanak-kanak ini mampu menunjukkan keharmonian hidup berkeluarga di bawah satu bumbung rumah yang sama, walaupun ciri-ciri sebuah rumah (pintu, tingkap, tangga dan bumbung) masih belum jelas.

Rajah 10. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 5





Lukisan pertama oleh Peserta 6 (Rajah 11) menunjukkan kanak-kanak menggambarkan kehidupan yang riang bersama-sama kawan-kawan yang lain. Imej tangan yang berdepa menggambarkan ciri “kebebasan” dan keakraban dalam kalangan mereka. Rakan perempuan dilukis dengan imej bunga matahari. Menurut kanak-kanak ini;

*“Saya dan Shakti menjadi kawan baik. Saya selalu bermain dengan Shakti di taman permainan. Saya sayang Shakti and we are good friends. Saya tak gaduh dengan Shakti...We don't want to fight each other.”* (Lukisan 1; Peserta 6)



Lukisan ini menggambarkan konsep kasih sayang antara rakan sebaya. Kanak-kanak ini menggambarkan kehidupan yang riang bersama-sama rakan yang terdiri daripada jantinan lelaki dan perempuan. Kanak-Kanak ini cuba menggambarkan manusia yang tersenyum riang. Konsep bentuk manusia kanak-kanak ini jelas kerana dia berjaya melukis bentuk kepala bulat, tangan dan kaki kayu.


Rajah 11. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 6

Lukisan ini mementingkan erti persahabatan yang merupakan satu aspek yang memaparkan emosi dan perlakuan bermoral. Hidup dengan sahabat merupakan satu ciri pembangunan sosial yang penting kepada kanak-kanak. Pembangunan sosial merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi secara berkesan untuk mencapai penerimaan rakan sebaya dengan membina dan mengekalkan persahabatan, di mana ia dianggap sebagai elemen penting dalam kemahiran dan perkembangan kanak-kanak (Theodotou, 2017).

Lukisan pertama oleh Peserta 7 (Rajah 12) menunjukkan aktiviti yang pernah dilaksanakan oleh kanak-kanak bersama-sama keluarga mereka. Melalui lukisan ini, kanak-kanak cuba menggambarkan dia sedang menonton wayang di panggung wayang bersama-sama dengan kucing kesayangannya. Aspek emosi dan perlakaun bermoral juga jelas. Dalam temu bual kanak-kanak ini menyatakan;

*“Saya dan ibu bapa saya pergi menonton wayang di Cinema...Saya menonton wayang bersama-sama kucing saya...Saya amat gembira...semasa menonton wayang kita tak boleh bising...tak boleh gunakan phone...(telefon bimbit).”* (Lukisan 1; Peserta 7).





Kanak-kanak ini dapat menginterpretasikan peristiwa yang dilalui dan dialami olehnya bersama-sama keluarga. Kanak-kanak ini dapat melukis peristiwa dia bersama-sama keluarga di panggung wayang untuk menonton wayang. Dia dapat melukis kedudukan skrin di panggung dan tempat duduk para penonton dengan baik. Susunatur penonton dan jarak penonton dengan skrin panggung serta gambar manusia yang dilukis besar dalam skrin, jelas menunjukkan kesedaran visual-ruang kanak-kanak ini.

Rajah 12. Analisis Lukisan Pertama oleh Peserta 7

Konsep interaksi sosial dapat digambarkan melalui lukisan ini. Situasi atau saat bersama-sama dengan keluarga suka dirakamkan oleh kanak-kanak dalam setiap lukisan. Menurut Yazici (2017), zaman awal kanak-kanak adalah tempoh yang paling penting untuk kanak-kanak membangunkan kemahiran sosial mereka. Pendapat ini disokong oleh Gunduz dan Ozcan (2016) yang menyatakan peringkat umur ini adalah tempoh di mana kanak-kanak mula mengembangkan interaksi sosial mereka dengan orang-orang di sekeliling seperti ibu bapa, ahli keluarga dan rakan sebaya.



## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak mempunyai pemahaman yang baik tentang konsep visual, bentuk dan ruang. Kaedah bercerita dan membaca buku cerita berunsurkan moral mampu menjadi wahana mengembangkan imaginasi kanak-kanak untuk melihat dunia sekeliling mereka dengan lebih kritis. Buku cerita yang dijadikan bahan rangsangan memberikan pengalaman imaginasi, idea dan pemikiran untuk mereka melukis. Hasil lukisan pula digunakan oleh kanak-kanak untuk menyatakan nilai moral yang tersirat disebalik lukisan tersebut. Elemen-elemen visual yang ada dalam lukisan mereka dapat menunjukkan pemikiran mereka yang dapat menguasai kecerdasan visual-ruang. Penggunaan kecerdasan visual-ruang melalui lukisan dapat digunakan untuk menginterpretasikan kemahiran sosial, pemikiran, tingkah laku dan kreativiti kanak-kanak. Kreativiti yang menjadi asas kecerdasan visual-ruang perlu dirangsang melalui lukisan untuk melahirkan masyarakat dan negara yang kreatif dan bermoral.

## PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat dana daripada Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui Geran Penyelidikan (Kod Penyelidikan: 2015-0156-107-04).





## RUJUKAN

- Clark, G., & Zimmerman, E. (1984). *Educating artistically talented students*. Syracuse University Press.
- Di Leo, J. H. (1983). *Interpreting children's drawings*. Brunner/Mazel, Inc.  
<https://doi.org/10.1080/09751122.2016.11890533>
- Escamilla Calan, I. M. (2015). Drawing, photographs, and painting: Learning about the natural world in an urban preschool. *Voice of Practitioners*, 10(2), 31-43.
- Gallets, M.P. (2005). Storytelling and story reading: A comparison of effects on children's memory and story comprehension. <http://dc.etsu.edu/etd/1023>
- Gardner, H. (1994). *The arts and human development*. Basic Books.
- Gunduz, N., & Ozcan, D. (2016). The development of Multiple Intelligence with Storytelling. *International Journal of Educational Sciences*, 15 (1-2), 242-251.
- Hasibuan, N. (2017). The roles of Islamic education towards Islamic art and culture. *Journal of Asian History, Culture and Tradition*, 4(3), 27-35.
- Ismail, H., Abdul, M. A., & Mohamad, I. (2019). The Islamic visual art education for social development of preschool children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 1-7.
- Lenz Taguchi, H. (2006). Reconceptualizing early childhood education: Challenging taken-for-granted ideas. Dalam J. Einarsdottir & J. Wagner (Eds.), *Nordic childhoods and early education: Philosophy, research, policy, and practice in Denmark, Finland, Iceland, Norway, and Sweden*(pp. 257–288). Information Age.
- Li-Ming, L. (2007). The Relationships between creativity, drawing ability, and visual/spatial intelligence: A study of Taiwan's Third-Grade children. *Asia Pacific Education Review*, 8(3), 343-352.
- Mohd. Firdaus Che Yaacob, & Normaliza Abd. Rahim. (2014). Moulding children positive moral values through folklore. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.
- Norjetta Julita Taisin. (2018). Aktiviti melukis meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 7, 19-29.
- Ozyurek, A., Begde, Z., & Yavuz, N. F. (2014). The relation between the social skills of preschool education children and the adult interactions around. *Social Sciences Journal*, 16(2), 115-134.
- Piaget, J. (1951). *Play, dreams and imitation in childhood*. Heinemann.
- Tappan, M. (1990). Hermeneutics and moral development: Interpreting narrative representations of moral experience. *Developmental Review*, 10, 239-265.
- Theodotou, E. (2017). Supporting personal and social development through child-led art projects in the early years settings. *Early Child Development and Care*, 189(11), 1889- 1900.
- Wright, S. (2007). Graphic-narrative play: Young children's authoring through drawing and telling. *International Journal of Education & the Arts*, 8(8), 1-28.
- Yazici, E. (2017). The impact of art education program on the social skills of preschool children. *Journal of Education and Training Studies*, 5(5), 17-26.
- Yazici, E., Yaman, B. I., & Pinarcik. O. (2016). A study into the views of preschool teachers over art. *E-Journal of International Education Researches*, 7(3), 74-88. doi: 10.19160/ejer.80596
- Zoghi, N., Mohd Nor, M., & Abdul Hamid, F. (2018). Islamic patterns in Persian's Herat School of Painting: A study on Baysonghori Shahnameh. *Online Journal of Research In Islamic Studies*, 5(3), 65-74.

